



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

INSURANS “KEY-MAN”

Ketetapan Umum No. 2/2003
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2003

1. Ketetapan ini menjelaskan tentang:
 - 1.1 potongan bagi perbelanjaan premium yang dibayar untuk polisi insurans “key-man”; dan
 - 1.2 pengenaan cukai ke atas prosid insurans yang diterima daripada insurans “key-man”.
2. Peruntukan yang berkaitan dengan potongan perbelanjaan premium dan pengenaan cukai ke atas prosid insurans “key-man” ialah seksyen 33 dan 22, **Akta Cukai Pendapatan, 1967 (Akta)**.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud seperti berikut:
 - 3.1 “Syarikat terkawal” mempunyai maksud yang sama seperti dalam seksyen 139, Akta.
 - 3.2 Polisi “hayat seumur hidup”, “endowmen”, “hayat sementara” dan “kemalangan” berhubung dengan insurans mempunyai maksud yang sama seperti dalam perniagaan insurans.
4. **Insurans “Key-man”**
 - 4.1 Pada amnya, premium yang dibayar atas insurans yang diambil kesemuanya dan semata-mata bertujuan untuk mendapatkan semula wang bagi menggantikan kehilangan keuntungan apabila berlakunya sesuatu peristiwa yang diinsuranskan adalah dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan kasar perniagaan.
 - 4.2 Kematian, penyakit kritikal, penyakit lain, kemalangan atau kecederaan seseorang pekerja atau pengarah mungkin mengakibatkan kehilangan pendapatan perniagaan bagi majikan atau syarikat. Insurans boleh diambil atas nyawa pekerja atau pengarah yang adalah orang utama dalam syarikat bagi melindungi risiko kehilangan pendapatan perniagaan. Jenis insurans ini dinamakan insurans “key-man” atau “key-person”.
 - 4.3 Hak untuk menerima prosid daripada polisi insurans tersebut **hendaklah** terletak dengan majikan atau syarikat dan ianya **tidak** boleh dibayar kepada “key-person” atau keluarganya.
5. **Potongan bagi perbelanjaan premium**

Keluaran: A



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

INSURANS “KEY-MAN”

Ketetapan Umum No. 2/2003
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2003

5.1 Premium atas polisi insurans boleh dibenarkan jika insurans itu tidak mempunyai elemen pelaburan dan insurans tersebut hendaklah diambil atas nyawa seorang “key-person” atau “orang utama” dalam syarikat yang mana dengan ketiadaan beliau, ia akan mengakibatkan pengurangan dalam keuntungan majikan atau syarikat.

5.2 Polisi yang tidak mempunyai elemen pelaburan ialah polisi hayat sementara dan polisi kemalangan. Polisi-polisi ini akan tamat pada akhir tempoh insurans dan tiada pulangan akan dibayar atas premium tersebut jika orang yang diinsuranskan itu masih hidup atau tidak cedera. Premium yang dibayar atas polisi hayat sementara atau polisi kemalangan sesuatu insurans “key-man” adalah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.

5.3 Polisi hayat seumur hidup dan polisi endowmen mempunyai elemen pelaburan dan oleh itu, dianggap sebagai aset modal syarikat. Kedua-kedua polisi tersebut mempunyai nilai tunai yang boleh ditebuskan selepas berkuatkuasa selama beberapa tahun. Bagi polisi endowmen, suatu jumlah wang boleh dibayar apabila polisi itu matang. Premium yang dibayar atas polisi hayat seumur hidup atau polisi endowmen tidak boleh dibenarkan dalam pengiraan pendapatan larasan perniagaan syarikat.

Contoh 1

Sebuah syarikat membeli polisi endowmen “key-man” atas nyawa pengarah urusannya dengan syarikat sebagai waris. Premium tahunan ialah RM20,000 dan amaun terjamin ialah RM500,000. Di bawah pimpinan pengarah urusan tersebut, keuntungan syarikat telah tambah 20% setiap tahun bagi lima tahun yang lepas.

Walaupun syarikat ialah waris polisi insurans dan pengarah urusan ialah “orang utama” dalam syarikat, premium tahunan yang dibayar tidak dibenarkan sebagai potongan kerana syarikat telah memperolehi sesuatu aset. Apabila polisi itu matang, syarikat akan menerima RM500,000 serta bonus yang diistiharkan oleh syarikat insurans.

6. **Pengenaan cukai atas prosid insurans**

Prosid yang boleh diterima atas sesuatu polisi hayat sementara atau polisi kemalangan akan dikenakan cukai ke atas majikan atau syarikat kerana amaun yang boleh diterima berkaitan dengan premium insurans yang telah dibenarkan sebelum ini. Sebaliknya, prosid yang boleh diterima atas polisi hayat seumur hidup atau polisi endowmen tidak boleh dicukai kerana premium insurans dahulunya tidak dibenarkan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

INSURANS “KEY-MAN”

Ketetapan Umum No. 2/2003
Tarikh Keluaran: 30 Disember 2003

Contoh 2

Sebuah syarikat membeli suatu polisi hayat sementara “key-man” atas nyawa pengarah urusannya dengan premium tahunan RM30,000. Syarikat juga membeli polisi hayat seumur hidup “key-man” atas nyawa pengurus jualan dengan premium tahunan sebanyak RM20,000. Premium sebanyak RM30,000 telah dibenarkan sementara premium sebanyak RM20,000 tidak dibenarkan dalam pengiraan cukai. Kedua-dua pengarah urusan dan pengurus jualan tersebut telah terbunuh dalam suatu kemalangan dan syarikat menerima wang tunai sebanyak RM2,000,000 dan RM500,000 berhubung dengan polisi hayat sementara dan polisi hayat seumur hidup.

Amaun RM2,000,000 yang diterima oleh syarikat boleh dikenakan cukai atas syarikat oleh kerana ianya diterima berhubung dengan suatu polisi di mana premiumnya telah dibenarkan sebelum ini sementara amaun RM500,000 tidak dikenakan cukai kerana premiumnya sebelum ini tidak dibenarkan.

7. Dalam kes syarikat terkawal, premium yang dibayar bagi polisi insurans “key-man” atas nyawa seorang pengarah atau pekerja yang memiliki saham dalam syarikat tidak dibenarkan potongan oleh kerana terdapat motif lain bagi pembelian polisi insurans. Selain daripada perlindungan bagi risiko kehilangan pendapatan perniagaan, ia juga adalah untuk memanfaatkan pengarah atau pekerja dalam kedudukan mereka sebagai pemegang saham syarikat. Begitu juga dengan premium dibayar atas polisi insurans “key-man” atas nyawa ahli kongsi atau pemilik tunggal, ianya tidak dibenarkan.
8. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 2004 dan tahun taksiran seterusnya.

Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri

Keluaran: A